

**TEKS UCAPAN YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE**  
**SESI MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MOU)**  
**PROJEK SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SMART SBB) ANTARA**  
**KERAJAAN MALAYSIA DAN SYARIKAT- SYARIKAT PENERAJU**

**DEWAN SERBAGUNA**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN**

---

Selamat pagi dan salam sejahtera

Yang dihormati saudara Pengerusi Majlis

**Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah**  
Timbalan Menteri I

**Yang Berhormat Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi**  
Timbalan Menteri II

**Yang Berbahagia Dato' Haslina binti Abdul Hamid**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

**Yang Berusaha Dr Anis bin Mahmud**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

**Yang Berusaha Encik Azman bin Mahmood**  
Setiausaha Bahagian Industri Padi dan Beras selaku Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras

Ketua-ketua Pengarah Jabatan dan agensi, Pegawai-pegawai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, wakil-wakil daripada Syarikat-Syarikat Peneraju, rakan-rakan media, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan hadirin sekalian.

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir kerana dapat bersama-sama menjayakan Majlis Menandatangani Persefahaman (MOU) Projek *Smart* Sawah Berskala Besar (*SMART* SBB) antara Kerajaan Malaysia dan Syarikat-Syarikat Peneraju pada petang ini. Saya kira majlis pada pagi ini merupakan

sesuatu yang amat bermakna kerana julung-julung kalinya diadakan dan menandakan bermulanya satu lagi tanda aras dalam usaha dan gerak kerja kita membangunkan industri padi dan beras di negara ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

2. Keprihatinan kita sudah tentu terhadap isu sekuriti makanan negara bersandarkan kepada fakta bahawa populasi penduduk negara ini akan terus meningkat untuk tempoh sepuluh tahun yang akan datang serta meningkatnya risiko pengeluaran sumber makanan tempatan akibat faktor-faktor seperti perubahan cuaca dan iklim serta penyakit tanaman yang mengancam kestabilan sekuriti makanan negara. Kadar Tahap Sara Diri (*Self Sufficiency Level* atau SSL) beras negara ketika ini yang berada pada paras sekitar 70 peratus menyebabkan negara masih bergantung kepada bekalan beras import terutamanya daripada negara Vietnam, Thailand, Kemboja, India dan Pakistan.
3. Memandangkan keperluan kepada bekalan padi bagi pemprosesan beras domestik dijangka terus meningkat dan pada masa yang sama trend pengimportan beras dari luar negara perlu dikurangkan bagi tujuan sekuriti bekalan makanan negara, maka terdapat keperluan untuk meningkatkan produktiviti padi di peringkat domestik.
4. Pelbagai bentuk subsidi yang telah diberikan oleh Kerajaan melalui Kementerian ini termasuk subsidi input meliputi Insentif Benih padi Sah (IBPS), Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), Skim Baja dan Racun Padi Bukit (SBRPB). Manakala subsidi output adalah Skim Subsidi Harga Padi (SSHP). Pada tahun ini sahaja, kita telah menerima peruntukan berjumlah RM 1.57 bilion untuk melaksanakan subsidi-subsidi ini. Walaupun pelbagai bantuan dan inisiatif daripada Kerajaan bernilai berbilion ringgit

dilaksanakan bagi industri padi dan beras negara setiap tahun, namun analisis Kementerian mendapati bahawa kedua-dua kawasan jelapang dan luar jelapang masih tidak memberikan produktiviti yang memuaskan.

5. Pihak Kementerian telah menerima pelbagai analisis sama ada daripada dalam dan luar negara seperti **Universiti Awam, Khazanah Research Institute (KRI) dan Bank Dunia (World Bank)**. Sehubungan dengan itu, banyak usaha-usaha yang telah dan sedang dilakukan ke arah peningkatan penghasilan padi dan beras negara. Perkara ini juga antara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.
6. Walaupun Kementerian juga telah dan sedang melaksanakan beberapa program berkaitan sawah berskala besar atau SBB di seluruh negara seperti Projek Pemacu Pertanian (PPP) dibawah NKEA (Penanaman Padi Berskala Besar), projek Mini Estet Padi dan program Ladang Merdeka, namun sudah sampai masanya pihak swasta turut diberikan peluang memainkan peranan menerajui industri padi dan beras negara bagi menyuntik semangat baru kepada industri padi dan beras melalui pendekatan-pendekatan baru dengan memanfaatkan sumber modal pembiayaan swasta semaksimum mungkin.
7. Sehubungan itu, Kementerian akan melaksanakan program *Smart Sawah Berskala Besar* atau *SMART SBB* yang akan disertai oleh Syarikat-Syarikat Peneraju untuk membangunkan kawasan penanaman padi dengan **sasaran seluas 150,000 hektar semusim bagi fasa pertama** secara berperingkat menerusi pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan sebagainya.

## PENAMBAHBAIKAN PROGRAM PENGELUARAN PADI SEDIADA

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Mengambil kira beberapa kelemahan yang wujud dalam program berskala besar terdahulu, Kementerian telah mengenalpasti beberapa langkah dalam memperkasakan industri antara lain, untuk turut melibatkan pelaburan pihak industri itu sendiri melalui Syarikat-Syarikat Peneraju yang secara langsung **akan mengurangkan tanggungan kewangan Kerajaan dari segi input pertanian bersubsidi dalam tempoh jangka panjang**. Ini akan turut memberikan pendekatan baharu dalam industri melalui **konsep pertanian moden seperti pelaksanaan sistem profil tanah dan pertanian pintar**.

### OBJEKTIF PROGRAM

9. Secara umumnya, Program *SMART* SBB ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam **menyatukan tanah sawah secara pertanian kontrak atau sewaan** melalui satu pengurusan sekaligus dapat mengoptimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil lepas tuai. Ini memandangkan majoriti pesawah dalam industri padi dan beras negara masih mengusahakan tanah sawah yang bersaiz tidak ekonomik iaitu kurang daripada 2 hektar. Perkara ini jelas tidak mampu membawa pesawah keluar daripada paras kemiskinan yang membelenggu mereka selama ini.
10. Program *SMART* SBB ini adalah penting berikutan terdapat keperluan bagi menangani isu **ancaman terhadap kemampuan sara diri negara** terhadap beras. Program *Smart* SBB dipercayai akan membantu Negara untuk **mencapai sasaran SSL beras** yang telah ditetapkan dalam

tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu sebanyak 75%.

11. Pelaksanaan program *SMART* SBB juga akan membuka **peluang kepada Syarikat-Syarikat Peneraju untuk memainkan peranan** dalam keseluruhan atau mana-mana peringkat rantai nilai industri padi dan beras negara pasca pandemik COVID-19. Berbanding dengan program berkaitan SBB yang pernah dilaksanakan Kementerian sebelum ini, penglibatan aktif Syarikat-Syarikat Peneraju dalam program *SMART* SBB ini tanpa sebarang tambahan kos kepada Kerajaan ini mampu menjadikan industri padi dan beras negara lebih mampan dan berdaya saing.
  
12. Program *SMART* SBB turut menyasarkan **peningkatan purata hasil per hektar nasional** daripada purata hasil semasa sebanyak 3.5 tan metrik pada tahun 2019 kepada 7.00 tan metrik dalam tempoh RMKe-12. Meskipun ada sebahagian kecil kawasan dalam jelapang yang mencatatkan pengeluaran melebihi 10.00 tan metrik per hektar pada masa ini, namun sebahagian besar kawasan jelapang dan keseluruhan kawasan luar jelapang hanya mencatatkan purata hasil per hektar masing-masing sebanyak 4.4 tan metrik dan 2.5 tan metrik pada tahun 2019.

#### **MANFAAT KEPADA PESAWAH**

13. Program *SMART* SBB juga dijangka akan meningkatkan pendapatan golongan sasaran program iaitu para pesawah. Hampir kesemua risiko dan kos penanaman padi yang sebelum ini ditanggung oleh pesawah akan dapat dikurangkan sekaligus meningkatkan margin pendapatan pesawah. Program ini dijangka akan meningkatkan purata pendapatan

pesawah **daripada RM5,000 setahun kepada sehingga RM7,900 setahun**. Manakala, pendapatan bersih per hektar dalam setahun pula dijangka meningkat **daripada RM5,400 sehingga ke RM15,600** sekiranya purata produktiviti per hektar meningkat daripada 3.5 tan metrik kepada sasaran 7.0 tan metrik.

## **PELAKSANAAN PROGRAM**

14. Secara amnya, pelaksanaan program *SMART SBB* ini akan diterajui oleh Kementerian menerusi **penentuan dasar dan polisi, penyusunan strategi berkaitan, dan penyediaan peruntukan kesemua program input dan output pertanian bersubsidi**. Peranan Kementerian juga antara lain adalah menentukan dasar benih padi sah, kebenaran pindah padi dan sebagainya.
15. Di peringkat lapangan, program *SMART SBB* akan dilaksanakan oleh jabatan dan agensi yang berkaitan Jabatan Pertanian (DOA), LPP, MADA, KADA dan IADA. Kesemua jabatan dan agensi ini akan **menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar Kerajaan dan program serta aktiviti, selain menyediakan khidmat pengembangan kepada pesawah dan sebagainya**.
16. **Syarikat-Syarikat peneraju** dalam program *SMART SBB* ini akan berfungsi sebagai pengurusan projek dan **penyedia perkhidmatan** seperti penggunaan dron, penyedia jentanam (*transplanter*) dan pembajak, serta penyeliaan penggunaan baja dan racun menerusi pertanian kontrak dengan pesawah terlibat, selain boleh juga bertindak selaku pembeli dan pengilang bagi padi yang dihasilkan.
17. **Konsep ini juga akan menghapuskan atau mengurangkan peranan orang tengah yang sentiasa mengenakan caj perkhidmatan yang**

**tinggi** kepada pesawah bagi sewaan mesin dan jentera tanaman dan tuaian, pengawalan serangan makhluk perosak, pengangkutan padi dan sebagainya. Pelaburan Syarikat-Syarikat Peneraju dalam pelaksanaan *Smart SBB* untuk 150,000 hektar ini dianggarkan antara RM900 juta hingga RM1 billion setahun.

18. Para pesawah akan menyertai program *SMART SBB* ini menerusi **penyertaan secara berkelompok, dan menerusi koperasi atau persatuan pesawah**. Secara umumnya, kumpulan ini akan berunding dengan Syarikat Peneraju bagi melengkapkan pertanian kontrak atau sewaan. Peserta program *SMART SBB* ini bebas menanam varieti padi pilihan sama ada padi putih, padi hibrid, padi wangi atau padi organik.

## **PENUTUP**

19. Saya berharap, susulan kepada MOU pada hari ini, semua pihak-pihak yang terlibat termasuk wakil-wakil daripada Syarikat-Syarikat Peneraju, pesawah-pesawah serta jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan memulakan perbincangan lanjut bagi merundingkan terma-terma perjanjian supaya program *SMART SBB* dapat dilaksanakan pada musim akan datang.
20. Pelaksanaan program *SMART SBB* adalah tepat pada masanya memandangkan pelaburan swasta adalah amat penting bagi menjadikan industri padi dan beras negara lebih kompetitif dan berdaya saing di sepanjang rantai nilai industri. Saya yakin, dengan pelaksanaan *Smart SBB* ini, **jurang di sepanjang rantai penghasilan beras negara juga dapat dirapatkan** dan seterusnya memberi peluang kepada **pemain-pemain industri untuk bergerak dengan lebih efisien di dalam sektor padi dan beras**. Secara tidak langsung ianya dapat merubah landskap

industri padi dan beras negara serta mencapai matlamat Kerajaan dalam menjamin sekuriti bekalan makanan negara sepanjang masa.

Sekian, terima kasih.